

—Dr M: Ubah cara hidup ikut masa

BH 23 AUG 1989

Oleh RAHIM LAJIS

bih bahagia.

"Jika kita terus hidup seperti 20 tahun dulu, kita akan ketinggalan dalam pelbagai bidang. Akhirnya kita akan merasa iri hati bila melihat orang lain lebih maju dan lebih mewah," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada pengalaman beliau menjelajah Sarawak dengan menaiki helikopter sewaktu melawat negeri ini sebelum ini.

"Banyak kawasan hutan di negeri ini, terutama di daerah-daerah pedalaman sudah dikikis licin oleh mereka yang masih mengamalkan pertanian pindah dan pembalakan-pembalakan yang tidak bertanggungjawab," jelasnya.

Jika kegiatan itu berterusan, bermakna kita sengaja memusnahkan sumber-sumber kekayaan yang memerlukan masa beratus tahun untuk mendatangkan hasil.

"Ini adalah kerugian yang amat besar. Jika tanah pertanian tidak begitu subur lagi, kita tidak harus menebang pokok-pokok balak yang sedang membesar untuk membuka kawasan pertanian baru," tambahnya.

Pulihkan

Sebaliknya, beliau mahukan mereka berusaha untuk memulihkan kesuburan tanah kawasan itu seperti menggunakan baja yang lebih baik.

"Ikhtiar mencari nafkah hidup, kais pagi makan pagi, sudah tidak praktikal lagi sekarang. Kita mesti berusaha mencari cara lain dan mengubah cara hidup seumpama itu," tegas beliau.

"Saya sedar contoh yang saya tonjolkan itu sangat sensitif kepada masyarakat pelbagai kaum dan adat resam di negeri ini. Tetapi yang lebih penting kita harus lebih sensitif kepada sumber-sumber kekayaan negeri ini dan menggunakannya secara maksimum," tambahnya.

Beliau juga menasihatkan Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (Saberkas) supaya menguruskan bangunan itu dengan jujur dan menggunakannya sepenuhnya sebagai satu sumber kekayaan.

"Negara memerlukan ramai pakar pengurusan dan pengusaha-pengusaha yang bijak. Wisma Saberkas ini adalah peluang baik untuk ahli-ahli Saberkas membuktikan mereka adalah golongan yang diperlukan itu," katanya.

KUCHING, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan masyarakat berbilang kaum dan agama di negeri ini supaya mengubah cara hidup masing-masing mengikut kehendak dan peredaran masa.

Berucap merasmikan Wisma Saberkas yang berharga hampir \$100 juta di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, langkah itu boleh mengelakkan mereka daripada perasaan dengki terhadap orang lain yang hidup le-